

AL-HIKMAH

Jilid 14 ISSN 1985-6822 2022
No. 2 1443

- STRES PEMBELAJARAN DALAM TALIAN KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DALAM KALANGAN MAHASISWA ... 3-23
Norasikin Kaslim & Muhamad Faisal Ashaari
- PEMBANGUNAN PENDAKWAH ORANG ASLI DARIPADA ASPEK KEROHANIAN: SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI ... 24-47
Zulkefli Aini & Nor Izzatul Husna Burhan
- الأحاديث المردودة في برنامج ٣٠ دقيقة الأستاذ "دون" بقناة "المجرة" ... 48-65...
Nur Afifi Alit & Shumsudin Yabi
- دور الإعلام الإسلامي في مواجهة كورونا من وجهة نظر طلبة جامعة عجلون الأردنية ... 66-92...
Mohyi Aldin Yaqob Abu al-Houl

Al-Hikmah 14(2) 2022: 24-47

Pembangunan Pendakwah Orang Asli Daripada Aspek Kerohanian: Satu Pendekatan Fuzzy Delphi

**Spiritual Development of Orang Asli Preachers: an Approach of Fuzzy
Delphi Technique**

ZULKEFLI AINI & NOR IZZATUL HUSNA BURHAN

ABSTRAK

Kerohanian merupakan elemen penting dalam pembangunan pendakwah Orang Asli. Hal ini kerana pembangunan kerohanian yang mantap dalam diri pendakwah Orang Asli mampu memberi kekuatan kepada jiwa pendakwah untuk terus meningkatkan potensi diri bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti komponen-komponen elemen kerohanian pembangunan pendakwah orang asli, menganalisis kesepakatan pakar terhadap komponen-komponen elemen pembangunan tersebut dan membina kerangka bagi pembangunan elemen pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian. Metodologi kajian ini adalah menggunakan reka bentuk Fuzzy Delphi dengan melaksanakan pensampelan bertujuan kepada 14 orang pakar dakwah masyarakat Orang Asli. Data dianalisis menggunakan triangular fuzzy number dan kedudukan elemen ditentukan menggunakan proses ‘defuzzification’. Hasil kajian mendapat terdapat tiga aspek penting yang dipersetujui oleh pakar sebagai satu keperluan yang perlu dibangunkan pada pendakwah Orang Asli daripada sudut kerohanian. Tiga aspek tersebut ialah terdiri daripada aspek akidah, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga aspek ini adalah mencapai persetujuan dan kesepakatan daripada kumpulan pakar. Implikasi kajian ini adalah membina satu rangka keperluan bagi pembangunan pendakwah Orang Asli daripada sudut kerohanian sebagai rujukan pihak-pihak berkepentingan sama ada badan kerajaan atau bukan kerajaan bagi memperkemaskan lagi kualiti amal Islami mereka.

Kata kunci: *Pembangunan, Kerohanian, Pendakwah, Orang Asli, akidah, ibadah, akhlak.,*

ABSTRACT

Spirituality is an essential element in the development of Orang Asli preachers because the steady spiritual development of the Orang Asli preachers can give strength to their souls to continue increasing the potential to achieve success in this

world and the hereafter. Therefore, this study aims to identify the components of the spiritual elements of the development of Orang Asli preachers, analyse the agreement of experts on the components of these elements of development and build a framework for the development of the elements of Orang Asli preachers from the spiritual aspect. The methodology of this study is to use the Fuzzy Delphi design by carrying out a purposive sampling of 14 da'wah experts of the Orang Asli community. Data is analysed using fuzzy triangular numbers, and element positions are determined using the defuzzification process. The results of the study found that three essential aspects need to be developed in Orang Asli preachers from a spiritual point of view. They are aspects of faith, worship and akhlak. These three aspects are to reach an agreement and consensus from the experts. The implication of this study is to build a framework of spiritual development for Orang Asli preachers as a reference for stakeholders, whether government or non-government organisations, to improve the quality of their Islamic religion.

Keywords: *Development, spiritual, orang asli, preachers, faith, worship, akhlak..*

Received: 20 Disember 2022

Revised: 25 Disember 2022

Accepted: 29 Disember 2022

Published: 31 Disember 2022

PENDAHULUAN

Pendakwah merupakan penggerak kepada gerak kerja dakwah. Mereka merupakan aktor utama yang bertanggungjawab menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran termasuklah kepada masyarakat Orang Asli. Tanpa adanya pendakwah, gerak kerja dakwah tidak dapat dilaksanakan dan Islam juga tidak dapat dikembangkan. Menurut al-Bayānūmī (2001), istilah pendakwah ataupun dācī merujuk kepada orang yang menyampaikan Islam, mengajarkannya dan segera melaksanakan apa yang menjadi tuntutan Islam. Mereka merupakan orang yang bertanggungjawab mendirikan dakwah. Manakala Zaydān (2002) pula mendefinisikan pendakwah sebagai orang yang menyeru atau mengajak kepada Allah SWT iaitu pada jalan yang benar dengan cara menyembah dan tidak mensyirikkan Allah SWT.

Demikian itu, menyediakan dan membentuk suatu kelompok manusia sebagai dācī atau pendakwah merupakan tuntutan Islam. Hal ini jelas dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam kitab-Nya kepada umat manusia supaya menyediakan satu kumpulan yang diberi tanggungjawab di antara mereka bagi melaksanakan dakwah kepada agama Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Tawbah (9:122), yang bermaksud: “*Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa*

orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.”

Berikutnya itu, Nurul Afifah (2017) berpendangan adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk mencari dan memeriksa individu-individu yang berkelayakan serta mempunyai potensi diri untuk dibentuk. Namun, jika masih tidak ada individu yang berkelayakan, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk menyediakan dan membentuknya sama ada dilakukan perseorangan ataupun organisasi yang terbabit. Proses penyediaan dan pembentukan golongan pendakwah bukannya merupakan suatu perkara yang mudah dan tidak dapat dilakukan dengan segera melainkan memerlukan pelbagai usaha yang gigih dari semua pihak (Ahmad Ghawash 1992). Sebagai contoh, menyediakan satu pendekatan dan strategi yang khusus serta bersesuaian dengan matlamat utama pembentukan pendakwah sebagaimana penyediaan program-program yang melibatkan keutamaan tenaga dan suasana seperti kursus dan latihan.

Dalam usaha membangunkan pendakwah, Zaydān (2002) telah menggariskan empat persediaan penting yang perlu dititikberatkan dalam pembangunan pendakwah. Empat persediaan tersebut adalah merangkumi penguasaan ilmu pengetahuan, iman yang kuat, hubungan manusia dengan Allah SWT dan juga hubungan manusia dengan manusia serta berakhlik mulai seperti benar, berkasih-sayang, rendah diri dan lain-lain. Meskipun begitu, menurut al-Qaraḍāwī (1986), persiapan pendakwah hanyalah merangkumi dua aspek iaitu aspek ilmu dan juga akhlak. Manakala, al-Bayānūnī (2001), telah membahagikan persediaan pendakwah kepada dua belas perkara utama dan di antaranya ialah mempercayai dengan kepercayaan yang mendalam terhadap topik dakwah yang disampaikan serta mempunyai hubungan yang erat dengan Allah SWT. Kesemua pandangan tersebut adalah menunjukkan keperluan terhadap penekanan elemen rohani bagi membangunkan persediaan diri setiap orang pendakwah.

PEMBANGUNAN KEROHANIAN PENDAKWAH

Pembangunan selalu dikaitkan dengan aspek fizikal yang diperlukan oleh manusia seperti ekonomi, sosial dan infrastruktur. Namun, terdapat aspek lain dalam arena pembangunan yang memerlukan perhatian supaya kedudukan manusia berada dalam keadaan seimbang. Ia adalah berkaitan dengan aspek kerohanian. Justeru, menurut Azimah dan Mohd Farid (2019), pembangunan kerohanian merupakan aspek pembangunan yang memfokuskan kepada dimensi dalaman manusia, seperti al-qalb, al-nafs, al-‘aql dan al-ruh, yang melengkapkan penciptaan serta perkembangan

seseorang yang menjadi pemain utama dalam sektor pembangunan. Secara mudah, pembangunan kerohanian ia juga dikaitkan dengan perkembangan tingkah laku manusia yang berasaskan kepada pembentukan personaliti dan akhlak manusia seperti hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam, serta proses penyucian hati dan jiwa.

Dalam konteks dakwah, pembangunan kerohanian merupakan aspek terpenting dalam pembangunan pendakwah. Hal ini kerana ia merupakan inti kepada hakikat penciptaan manusia, terutama yang berperanan sebagai pendakwah (Haron Din 2015). Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr (15:28-29), yang bermaksud: “Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk. Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan)-Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud”. Elemen kerohanian dalam pembangunan pendakwah melibatkan empat perkara iaitu pembangunan al-qalb, al-nafs, al-ruh dan al-‘aql (al-Ghazālī (2001). Sementara itu, menurut Emie Sylviana (2019) mengemukakan empat pendekatan iaitu rabbaniyyah, tazkiyyah al-nafs, ilmu dan amal yang melibatkan dimensi akidah, ibadah dan akhlak.

Bagi usaha membangunkan kerohanian pendakwah dari sudut akidah, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah penerapan nilai-nilai rukun iman berdasarkan kepercayaan dan keimanan pada rukun iman yang enam iaitu kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada rasul, kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada kitab, kepercayaan kepada qada’ dan qadar dan kepercayaan kepada hari akhirat (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim 2012; Jasni 2016). Selain itu, penerapan nilai-nilai keimanan berdasarkan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT (Salha Nabilla & Tengku Intan Zarina 2016) yang berdasarkan dengan ilmu pengetahuan kerana ilmu merupakan dalil kepada keimanan dan memberi petunjuk kepadanya (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim 2012). Demikian itu, penerapan nilai-nilai yang terkandung dalam nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT adalah penting bagi membina integriti diri individu di samping meningkatkan keimanan kepada Allah SWT (Mohd Hasrul & Mohd Fauzi 2011).

Dalam konteks pembangunan kerohanian daripada sudut ibadah, ia merangkumi ibadah khusus dan ibadah umum. Pelaksanaan ibadah khusus dalam pembangunan pendakwah sebagaimana yang diutarakan oleh Che Bakar et al. (2007) melibatkan ketaatan dalam menuaikan ibadat fardu, istiqamah dalam memperbanyakkan ibadat sunat, zikir dan membaca al-Quran. Ia juga berkaitan dengan ibadah umum seperti membaca kitab-kitab agama, menghadiri majlis ilmu, bergaul dengan insan yang berakhlak baik,

selalu muhasabah diri dan tidak mengumpat tentang orang lain. Sacīd Ḥawwa (2007) juga berpandangan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian dalam pembangunan pendakwah ialah menjaga solat wajib tepat pada waktu, berdoa, berzikir, solat tahajud, mengingati kematian, membayangkan azab kubur dan api neraka, membayangkan nikmat syurga, mengikuti majlis ilmu, bergaul dengan orang soleh, membaca al-Quran, menambah pengetahuan Islam, merasakan kebesaran Allah atas segala ciptaan-Nya, merenung kejadian alam, mensyukuri nikmat Allah, khusyuk, merendah diri, tawakal dan sabar terhadap dugaan yang diberikan oleh Allah SWT.

Elemen akhlak penting dalam pembangunan pendakwah kerana akhlak mampu membina diri pendakwah menjadi seorang individu yang tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT di samping membantu mereka memiliki sifat dalaman yang suci sama ada dalam bentuk peribadi atau personaliti luaran (Zulfahmi & Wan Hasmah 2014). Menurut Asmawati (2007) dan Zulfahmi dan Wan Hasmah (2014), pembangunan akhlak dalam diri individu mestilah berteraskan kepada empat elemen iaitu merangkumi hubungan dengan Tuhan, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan masyarakat dan hubungan terhadap alam sekitar.

Berdasarkan kepada empat elemen ini, Asmawati (2007) telah membangunkan enam lagi bidang pembelajaran akhlak yang mesti dikuasai oleh setiap individu. Antaranya ialah pertama adab dalam kehidupan seharian. Kedua, adab dalam kehidupan sosial. Ketiga, adab dalam menunaikan ibadah. Keempat, adab terhadap ibu bapa dan keluarga. Kelima, adab menuntut ilmu dan keenam adab terhadap Allah dan Rasul. Penguasaan terhadap kesemua bidang ini adalah penting dalam melahirkan insan atau individu yang mantap serta kukuh imannya, menguasai serta mengamalkan ilmu yang dipelajari, bertanggungjawab dan berakhhlak mulia.

Seterusnya, elemen akhlak menurut Darraz (1987) dan Munawar (2009) terbahagi kepada lima, iaitu pertama, akhlak dalam konteks perseorangan seperti ikhlas, sabar, memelihara kesucian jiwa, menjaga kehormatan diri dan beramal soleh. Kedua, akhlak dalam konteks kekeluargaan seperti perkara yang berhubung dengan hak-hak ibu bapa, perkahwinan, suami isteri, anak dan perkara yang membabitkan wasiat serta harta pusaka. Ketiga, akhlak dalam konteks kemasyarakatan seperti perintah, larangan dan kesopanan. Keempat, akhlak dalam konteks kenegaraan yang berkaitan dengan pemimpin dan kepimpinan seperti perintah membuat musyawarah, membuat keputusan dan seumpamanya. Kelima, akhlak dalam konteks agama seperti beriman kepada Allah, bersyukur terhadap segala nikmat yang dikurniakan, tawakal, patuh, berdoa dan seumpamanya.

Dalam konteks pendakwah Orang Asli pula, Abdurahman (2019) telah menggariskan tiga aspek penting yang perlu ditekankan dalam pembangunan pendakwah Orang Asli. Tiga aspek tersebut ialah pertama, membina iman yang mantap di dalam diri mereka iaitu dengan memastikan pendakwah sentiasa meyakini dan percaya bahawa hanya agama Islam yang diterima di sisi Allah SWT. Kedua, menjaga hubungan dengan Allah SWT iaitu dengan memastikan pendakwah sentiasa berhubung dan bertawakal kepada Allah SWT. Ketiga, sabar dan cekal menghadapi penderitaan sebagaimana memastikan pendakwah memiliki kesabaran, daya tahan yang kuat dan tabah dalam menempuh segala cabaran dakwah.

Manakala, dari segi akhlak pula, Faiz (2018) telah menggariskan beberapa domain penting yang perlu dibangunkan pada pendakwah Orang Asli. Antara domain akhlak yang perlu dibangunkan pada pendakwah Orang Asli ialah terdiri daripada akhlak dalam konteks perseorangan seperti sifat amanah, benar dan lain-lain, kedua, akhlak dalam konteks kekeluargaan seperti menghormati ibu bapa dan seumpamanya dan ketiga akhlak dalam konteks kemasyarakatan meliputi nilai-nilai dalam bergaul seperti perintah, larangan, adab kesopanan dan sebagainya.

KEPERLUAN PENDAKWAH ORANG ASLI

Dakwah kepada masyarakat Orang Asli telah lama dilaksanakan, namun maklum balas penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap dakwah Islam terutamanya dari segi kuantiti pengislaman dan kualiti pengamalan Islam mereka adalah tidak seimbang dengan tempoh masa dan usaha yang telah dilakukan. Menurut Ramlee, Mohamad Hafis dan Mohamad Asmawi (2019), peratusan Orang Asli yang memeluk Islam di Malaysia hanyalah sebanyak 25% dengan kadar pertambahan tahunan kurang dari 1.5% berbanding dengan dakwah yang telah dilaksanakan kepada mereka sejak tahun 1960an lagi.

Antara faktor kepada permasalahan ini ialah masih terdapat ramai pendakwah Orang Asli yang kurang bersedia daripada sudut pengurusan peribadi (Abdurahman & Abdul Ghafar 2018). Kebanyakan mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran sasaran, tidak dapat mengurus permasalahan keluarga dengan baik dan sukar untuk mengatasi ujian kebendaan sehingga menghalang mereka memberi komitmen dalam kegiatan dakwah. Oleh itu, menurut Faiz (2018), ada dalam kalangan masyarakat Orang Asli berat hati menerima dakwah yang dibawa oleh pendakwah berbangsa Melayu kerana terdapat sebilangan orang Melayu yang mempunyai tanggapan negatif kepada mereka dengan sifat-sifat tertentu seperti bodoh, rendah martabat dan pengotor.

Bagi mengatasi permasalahan tersebut, nilai persamaan antara pendakwah dan mad'u terutamanya dari aspek bangsa atau suku kaum perlu diambil kira bagi memastikan kejayaan dakwah dapat dicapai (Mohd Anuar, Nora Yusma & Khairulnizam 2007; Nur Damia Husna 2017). Hal ini kerana daripada sudut psikologinya seseorang mudah diterima jika wujud persamaan di antara kedua-dua belah pihak. Sehubungan dengan itu, masyarakat Orang Asli lebih suka dan cenderung kepada pendakwah yang berasal daripada suku kaum mereka yang lebih memahami kehidupan mereka mencakupi pemikiran, budaya dan bahasa mereka (Zulkifli & Abdul Ghafar 2020). Oleh yang demikian, melatih dan membentuk Orang Asli sebagai pendakwah adalah merupakan satu keperluan.

Walaupun demikian, dunia dakwah amat memerlukan seorang pendakwah yang benar-benar bersedia dari sudut keilmuan, fizikal dan kerohanian (^cAbdAllah Nasih ^cUlwan 1985). Namun, masalah utama dalam membangunkan Orang Asli sebagai pendakwah ialah tahap kefahaman Islam dan kesedaran masyarakat Orang Asli untuk menghayati Islam masih lagi berada pada tahap yang minimum. Hal ini dibuktikan berdasarkan pandangan Abdul Ghafar (2014) yang menjelaskan bahawa masalah utama masyarakat Orang Asli adalah berhubung dengan persoalan akidah dan ibadah iaitu sekalipun telah memeluk Islam, kepercayaan masyarakat Orang Asli masih lagi bercampur aduk dengan aspek animisme dan supernatural.

Menurut Mohamad Zulkifli et al. (2014), pengaruh kepercayaan Orang Asli telah bersebat dengan begitu kukuh di dalam diri mereka. Demikian itu, ia adalah sukar untuk diganti dengan fahaman baru yang asing bagi mereka, lebih-lebih lagi kepercayaan terhadap perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dikesan dengan pancaindera yang lima. Rentetan dari permasalahan yang dinyatakan, kajian ini dilakukan adalah untuk membangunkan kerangka bagi pembangunan elemen pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian untuk melahirkan lebih ramai pendakwah yang berkualiti dalam kalangan mereka sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan penulisan ini adalah untuk mengesahkan keperluan elemen kerohanian dalam pembangunan pendakwah Orang Asli. Pengesahan tersebut dilakukan oleh sebilangan pakar menerusi aplikasi teknik Fuzzy Delphi. Bagi mencapai tujuan tersebut beberapa objektif dikenalpasti seperti berikut:

- a) Mengenal pasti komponen-komponen elemen pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian.

- b) Menganalisis kesepakatan pakar terhadap komponen-komponen elemen pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian.
- c) Membina kerangka bagi pembangunan elemen pendakwah daripada aspek kerohanian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian dengan menggunakan rekabentuk tinjauan, kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Instrumen yang digunakan pula adalah borang soal selidik yang dimurnikan hasil daripada dapatan kajian literatur. Borang soal selidik dibentuk menggunakan aplikasi google form yang diedarkan secara maya kepada majoriti panel pakar, kecuali kepada panel yang terdiri daripada pendakwah Orang Asli. Borang soal selidik ini telah dibina berdasarkan sorotan kajian lepas bertepatan dengan pandangan Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabiah Mat Noh (2020), Ramlan Mustapha dan Ghazali Darusalam (2018), Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2017), Ridhwan et al. (2014), Skulmoski et al. (2007), dan Okoli dan Pawlowski (2004) yang menjelaskan bahawa proses pembentukan elemen model boleh dilaksanakan dengan beberapa cara iaitu melalui sorotan literatur, temu bual pakar, pengalaman pengkaji, kajian rintis dan kumpulan berfokus (focus group).

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan teknik Fuzzy Delphi bagi mengenalpasti tahap penerimaan dan kesepakatan pakar terhadap komponen-komponen elemen pembangunan kerohanian yang telah dibina. Proses analisis menggunakan penomboran Fuzzy dimana antara sela 0 hingga 1 (Ragin 2007) dengan menggunakan perisian Microsoft Excel. Proses ini melibatkan dua proses iaitu triangular fuzzy number dan defuzzification. Triangular Fuzzy Number digunakan untuk melihat kesepakatan pakar terhadap sesuatu item manakala defuzzification digunakan untuk menentukan keutamaan item yang dikaji. Kedua-dua proses ini menggunakan 2 formula yang dapat dirujuk dalam Jadual 1.

Jadual 1: Formula untuk proses analisis.

Bil	Formula	Proses
1.	$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$	Triangular Fuzzy Number
2.	$A = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$	Defuzzification

Sampel Kajian

Seramai 14 pakar telah dipilih bagi tujuan proses ini. Pakar-pakar ini dipilih berdasarkan kepakaran mereka di dalam bidang dakwah dan Orang Asli serta mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun dalam bidang masing-masing. Pemilihan pakar ini adalah selari dengan hujah yang dinyatakan Berliner (2004), bahawa mereka yang mempunyai pengetahuan dalam sesuatu bidang dan mempraktikkan ilmu dalam bidang tersebut melebihi tempoh lima tahun boleh dianggap sebagai pakar. Menurut Pill (1971) dan Oh (1974), dalam menetapkan kriteria untuk memilih pakar untuk kajian tertentu, pakar-pakar yang dipilih perlu ada latar belakang atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, pemilihan ini akan dapat menyokong pendapat mereka kepada keperluan kajian serta dapat menyemak semula penghakiman awal mereka untuk mencapai konsensus dalam kalangan pakar.

Bagi penentuan bilangan pensampelan kajian pula, ia adalah diambil berdasarkan dua pandangan iaitu pandangan daripada Adler dan Ziglio (1996) yang menyatakan bilangan pakar yang sesuai bagi kaedah *Delphi* adalah di antara 10 hingga 15 orang pakar dan pandangan daripada Jones dan Twiss (1978) yang menggariskan bilangan pakar adalah seramai 10 hingga 50 orang pakar. Menurut Jacobs (1996), dalam kaedah *Delphi*, langkah yang paling penting ialah pemilihan pakar yang akan memberi kesan kepada kualiti hasil kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 2 menunjukkan komponen-komponen elemen pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian berdasarkan kesepakatan


kumpulan pakar, manakala Rajah 1 menunjukkan kerangka pembangunan elemen pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian.

- 1) Nilai threshold mesti sama atau kurang daripada 0.2 ($d \leq 0.2$)
- 2) Nilai peratusan pakar mesti melebihi 75%
- 3) Average respons \geq nilai α -cut = 0.5

Jadual 2: Dapatan terhadap komponen-komponen elemen pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Proses Defuzzification					Kesepakatan Pakar	Ranking
		Nilai Thresh hold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
A1	Memantapkan pemahaman berkaitan akidah Islam berdasarkan akidah ahli <i>sunnah wa al-jamā'ah</i> .	0.041	100.0%	0.486	0.686	0.886	0.686	TERIMA	2	
A2	Menerapkan nilai-nilai rukun iman.	0.000	100.0%	0.500	0.700	0.900	0.700	TERIMA	1	
A3	Menerapkan nilai-nilai keimanan berdasarkan nam-nama dan sifat-sifat Allah.	0.075	100.0%	0.471	0.671	0.871	0.671	TERIMA	4	
A4	Menerapkan sifat mensyukuri nikmat pemberian Allah.	0.075	100.00%	0.471	0.671	0.871	0.671	TERIMA	4	
A5	Meningkatkan hubungan dengan Allah melalui ibadah sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan zikrullah.	0.125	100.00%	0.443	0.643	0.843	0.643	TERIMA	12	
A6	Boleh membaca al-Quran dengan baik.	0.075	100.00%	0.471	0.671	0.871	0.671	TERIMA	4	

A7	Boleh memimpin program atau aktiviti keagamaan seperti menjadi iman solat, mengetuai bacaan Yasin dan tahlil.	0.075	100.00%	0.471	0.671	0.871	0.671	TERIMA	4
A8	Menghindari sifat tidak baik seperti sombang, hasad dengki, fitnah, suka menghina dan berbohong.	0.112	92.86%	0.457	0.657	0.857	0.657	TERIMA	9
A9	Memiliki sifat baik seperti ihsan, takwa, sabar, pemaaf, jujur dan pemurah.	0.081	92.86%	0.471	0.671	0.871	0.671	TERIMA	4
A10	Memiliki sikap berlapang dada dan menghormati orang yang lebih tua.	0.041	100.00%	0.486	0.686	0.886	0.686	TERIMA	2
A11	Mengamalkan adab-adab Islam seperti adab makan dan minum, adab berpakaian dan adab pergaulan.	0.103	100.00%	0.457	0.657	0.857	0.657	TERIMA	9
A12	Memiliki hubungan yang baik antara manusia dalam konteks sesama komuniti Orang Asli dan masyarakat luar seperti masyarakat berjiran dan komuniti lain.	0.103	100.00%	0.457	0.657	0.857	0.657	TERIMA	9



Rajah 1: Kerangka pembangunan elemen pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian.

Berdasarkan Jadual 2, didapati kesemua pakar mencapai konsensus yang sama iaitu bersepakat menerima kesemua item elemen tersebut sebagai mekanisme yang perlu dibangunkan dalam diri pendakwah Orang Asli. Dapatkan penerimaan terhadap item-item tersebut adalah dinilai berdasarkan syarat penilaian yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu nilai *threshold* (d) yang diperoleh mesti kurang atau sama dengan nilai 0.2, peratusan kesepakatan pakar mesti sama atau lebih daripada 75% dan skor nilai *fuzzy* (A) mesti sama atau lebih daripada nilai 0.5 (Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh 2020; Ramlan Mustapha & Ghazali Darusalam 2018; Mohd Ridhuan et al. 2014).

Oleh sebab kesemua nilai daptan yang diperoleh adalah bertepatan dengan syarat piawaian yang telah digariskan, maka kesemua nilai item tersebut dikira mencapai persetujuan pakar dan diterima sebagai elemen penting yang perlu ada dan dibangunkan dalam kerangka pembangunan elemen kerohanian pendakwah. Berdasarkan konsensus pakar tersebut, item-item yang dibina kemudiannya disusun mengikut persetujuan yang diberikan oleh pakar berdasarkan tiga pecahan iaitu aspek akidah, ibadah dan akhlak. Berikut merupakan jadual bagi kedudukan item-item elemen pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian yang telah mencapai konsensus pakar bagi kategori akidah, ibadah dan akhlak.

Jadual 3: Susunan item-item elemen pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian yang telah mencapai konsensus pakar.

<i>Ranking</i> persetujuan pakar	Item	Nombor Item
Aspek Akidah		
1	Menerapkan nilai-nilai rukun iman	A2
2	Memantapkan pemahaman berkaitan akidah Islam berdasarkan akidah ahli <i>sunnah wa al-jamā'ah</i> .	A1
4	Menerapkan nilai-nilai keimanan berdasarkan nama-nama dan sifat-sifat Allah.	A3
Aspek Akhlak		
2	Memiliki sikap berlapang dada dan menghormati orang yang lebih tua.	A10
4	Menerapkan sifat mensyukuri nikmat pemberian Allah.	A4
4	Memiliki sifat baik seperti ihsan, takwa, sabar, pemaaf, jujur dan pemurah.	A9
9	Menghindari sifat tidak baik seperti sompong, hasad dengki, fitnah, suka menghina dan berbohong.	A8

9	Mengamalkan adab-adab Islam seperti adab makan dan minum, adab berpakaian dan adab pergaularan.	A11
9	Memiliki hubungan yang baik antara manusia dalam konteks sesama komuniti Orang Asli dan masyarakat luar seperti masyarakat berjiran dan komuniti lain.	A12
Aspek Ibadah		
4	Boleh membaca al-Quran dengan baik.	A6
4	Boleh memimpin program atau aktiviti keagamaan seperti menjadi iman solat, mengetuai bacaan Yasin dan tahlil.	A7
12	Meningkatkan hubungan dengan Allah melalui ibadah sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan zikrullah.	A5

Jadual 3 menunjukkan kedudukan *ranking* persetujuan pakar terhadap elemen pembangunan kerohanian pendakwah Orang Asli yang terdiri daripada tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Aspek yang mencapai konsensus pakar paling tinggi dan menepati kedudukan pertama ialah aspek akidah, kemudiannya diikuti aspek akhlak dan juga ibadah. Penilaian terhadap kepentingan aspek akidah adalah ditentukan berdasarkan kedudukan *ranking* item elemennya yang masing-masing menepati kedudukan teratas iaitu berada di *ranking* pertama, kedua dan keempat. Di antara item akidah yang telah mendapat konsensus pakar ialah item di A2 “menerapkan nilai-nilai rukun iman”, A1 “memantapkan pemahaman berkaitan akidah Islam berdasarkan akidah ahli *sunnah wa al-jamā‘ah*” dan A3 “menerapkan nilai-nilai keimanan berdasarkan nama-nama dan sifat-sifat Allah”.

Kesepakatan pakar terhadap item-item yang telah dibangunkan menunjukkan kepentingan aspek akidah dalam pembangunan kerohanian pendakwah Orang Asli. Dapatkan ini adalah bertepatan dengan pandangan Ismail Naim (2020) yang menyatakan penerapan akidah yang betul dan tepat berlandaskan ahli *sunnah wa al-jamā‘ah* adalah merupakan perkara utama yang perlu dibentuk dalam diri pendakwah Orang Asli. Ini adalah bagi mengelakkan masalah penyelewengan daripada aspek pemikiran, perkataan dan amalan daripada kembali berlaku dalam kalangan mereka kerana ada dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih mengamalkan kepercayaan animisme (Halim & Mokhtar 2014; Zulkefli et al. 2019; Ismail Naim 2020) walaupun mereka telah memeluk agama Islam (Abdul Ghafar 2014; Ramlee 2015; Zulkefli et.al 2019).

Oleh itu, membangunkan akidah yang betul dan mantap adalah merupakan kepentingan utama dalam pembangunan kerohanian pendakwah Orang Asli. Antara keutamaan yang perlu diberi penekanan dalam

membangunkan pendakwah berdasarkan saranan al-Qarađāwī (1986) iaitu pembangunan akidah melalui penguasaan ilmu pengetahuan tentang kewujudan Allah, pengetahuan ilmu tauhid, pengetahuan tentang Nabi, pengetahuan tentang akhirat serta qada' dan qadar. Saranan ini adalah bertepatan dengan beberapa pandangan sarjana lain yang menjelaskan keperluan penerapan nilai-nilai rukun iman yang meliputi kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada Rasul, kepercayaan kepada Malaikat, kepercayaan kepada Kitab, kepercayaan kepada qada' dan qadar dan kepercayaan kepada hari kiamat (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim 2012; Jasni 2016) dan penerapan terhadap nilai-nilai keimanan berdasarkan nama-nama dan sifat-sifat Allah (Salha Nabilla & Tengku Intan Zarina 2016) dalam diri individu khususnya pendakwah Orang Asli bagi menjernihkan kembali pemikiran mereka daripada terus terpaut dengan pegangan lama (Ismail Naim 2020).

Dengan adanya penerapan elemen-elemen tersebut ke dalam diri pendakwah Orang Asli maka akan lahirlah pendakwah yang berpegangan teguh dan berkualiti dalam kalangan masyarakat mereka. Hal ini kerana menurut Aisyah Jami'an (2013) kualiti iman akan memberi kesan kepada kualiti cara berfikir seseorang individu. Adapun kualiti cara berfikir seseorang individu akan memberi kesan kepada pegangan dan gaya hidup mereka.

Berdasarkan Jadual 3, aspek kedua yang mencapai nilai konsensus pakar paling tinggi dalam pembangunan kerohanian pendakwah Orang Asli ialah aspek akhlak. Nilai item elemen akhlak yang dibina masing-masing adalah berada di *ranking*, kedua, keempat dan kesembilan menunjukkan kesepakatan pakar yang tinggi terhadap kepentingan elemen akhlak sebagai salah satu aspek yang perlu dibangunkan. Penekanan terhadap item akhlak ini adalah bagi membangunkan pendakwah Orang Asli yang tidak hanya memiliki iman yang mantap malah memiliki akhlak keperibadian yang tinggi. Elemen akhlak yang telah mendapat konsensus pakar ialah item A10 “memiliki sikap berlapang dada dan menghormati orang yang lebih tua”, A4 “menerapkan sifat mensyukuri nikmat pemberian Allah”, A9 “memiliki sifat baik seperti ihsan, takwa, sabar, pemaaf, jujur dan pemurah”, A8 “menghindari sifat tidak baik seperti sompong, hasad dengki, fitnah, suka menghina dan berbohong”, A11 “mengamalkan adab-adab Islam seperti adab makan dan minum, adab berpakaian dan adab pergaulan” dan A12 “memiliki hubungan yang baik antara manusia dalam konteks sesama komuniti Orang Asli dan masyarakat luar seperti masyarakat berjiran dan komuniti lain”.

Kesepakatan yang tinggi terhadap item-item tersebut dalam kalangan pakar menunjukkan persetujuan terhadap keperluan pembangunan elemen akhlak dalam diri pendakwah Orang Asli. Menurut Faiz (2018),

akhlak merupakan syarat asas bagi seorang pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat Orang Asli. Ia juga merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap golongan saudara baru termasuklah masyarakat Orang Asli bagi membentuk peribadi Muslim (Razaleigh 2014). Pembangunan akhlak yang baik adalah terhasil daripada amalan-amalan ibadah yang berbentuk kerohanian dan juga daripada penghayatan sifat-sifat mahmudah seperti sabar, bersyukur, takut, harap, tawakal, ikhlas, reda dan taubat (al-Ghazālī 2000). Antara akhlak yang perlu dibangunkan pada pendakwah Orang Asli ialah akhlak dalam konteks perseorangan (seperti cara percakapan yang baik, tidak memaksa, amanah, jujur, ikhlas tidak mengungkit serta kesemua sifat yang ada pada Nabi SAW), akhlak terhadap ibu bapa, masyarakat, rakan-rakan, guru, ketua, kebersihan pakaian dan tempat tinggal, adab-adab sehari-hari seperti adab makan dan minum, bercakap dan sebagainya (Razaleigh 2014; Faiz 2018).

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan aspek ibadah berada di kedudukan ketiga dan mendapat konsensus pakar. Ia merupakan salah satu aspek yang turut menjadi kepentingan dan perlu diutamakan dalam pembangunan pendakwah Orang Asli. Hal ini kerana menurut Ḥabd al-Karīm Zaydān (2009), antara perkara utama yang perlu dipupuk dan dipasangkan dalam diri setiap orang pendakwah ialah menjaga hubungan dengan Allah SWT secara berterusan. Manakala, menjaga hubungan dengan Allah SWT secara berterusan pula dapat dilaksanakan melalui ibadah. Oleh yang demikian, ibadah merupakan aspek penting yang perlu dibangunkan pada pendakwah Orang Asli kerana ia merupakan tuntutan dalam Islam (Ahmad Redzuwan 2008; Razaleigh 2013). Dengan melaksanakan ibadah, pendakwah dapat membina hubungan yang kuat dengan Allah SWT, di samping dapat meningkatkan rasa *‘ubūdiyyah* dan ketaatan dalam diri mereka. Antara elemen ibadah yang mendapat konsensus pakar termasuklah seperti item A6 “boleh membaca al-Quran dengan baik”, A7 “boleh memimpin program atau aktiviti keagamaan seperti menjadi iman solat, mengetuai bacaan Yasin dan tahlil” dan A5 “meningkatkan hubungan dengan Allah melalui ibadah sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan zikrullah”.

Nurul Afifah (2017) berpandangan bahawa ibadah merupakan perkara yang wajib dititikberatkan dalam pembangunan pendakwah Orang Asli dan ia perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dengan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh mereka memberi tumpuan terhadap ibadah-ibadah wajib dahulu, yang kemudian diikuti dengan penambahan ibadah-ibadah sunat. Pelaksanaan secara berperingkat-peringkat ini adalah bagi memudahkan mereka beradaptasi dengan syariat Islam secara lebih baik dan mengelakkan mereka merasakan agama Islam sebagai agama yang sukar serta berputus asa untuk terus mendalaminya.

Menurut Ramlee (2015) dan Che Nur Hasanah, Mariam dan Muhammad Yusuf (2018), antara faktor kurangnya minat masyarakat Orang Asli mendalam Islam adalah apabila mereka merasakan Islam sebagai agama yang sukar diamalkan. Ini kerana kurangnya pemahaman mereka tentang ajaran Islam.

Oleh itu, penerapan ibadah dalam kalangan pendakwah Orang Asli perlu dilaksanakan secara beransur-ansur sehingga mereka memahami konsep ibadah yang sebenar dalam Islam (Nurul Afifah 2017). Antara ibadah yang perlu diterapkan pada pendakwah Orang Asli ialah melaksanakan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, dan berselawat kepada Nabi Muhammad SAW (Famida Naimi 2018), melazimkan kehidupan mereka dengan membaca al-Quran (Ibtisam Ibrahim & Berhanundin 2019; Ismail Naim 2020) serta meningkatkan hubungan dengan Allah SWT melalui ibadah sunat seperti solat sunat, puasa sunat dan zikrullah (Emie Sylviana 2019).

Keperluan pendakwah Orang Asli memiliki kemahiran membaca al-Quran adalah bagi mengajar komuniti masyarakat Orang Asli mengenal dan mempelajari al-Quran dengan baik di samping menjadi pemimpin mereka dalam urusan ibadah seperti menjadi imam solat, mengetuai bacaan surah Yasin dan tahlil (Ismail Naim & Abdul Ghafar 2019). Tambahan itu, ia juga adalah bagi melahirkan komuniti masyarakat Orang Asli Muslim yang boleh memahami dan menghayati makna di sebalik ayat al-Quran yang dibaca (Razaleigh et al. 2014). Ini juga bagi menyahut galakan Nabi Muhammad SAW melalui sabdanya, iaitu: Orang yang paling baik di antara kamu adalah seseorang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya. (*Hadis ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab *Fadā'il al-Qur'an*, Bab *Khaṭrukum man ta'allama al-Qur'an wa 'allamah*, 5027). Manakala, perihal keperluan penerapan pelaksanaan amal ibadat seperti solat, puasa, zakat dan zikrullah adalah bagi melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas, patuh kepada perintah Allah SWT dan sentiasa benci kepada kemungkaran (Che Musa 2011).

Dalam konteks pendakwah yang boleh memimpin program atau aktiviti keagamaan turut menjadi keutamaan. Ia merupakan suatu manifestasi kepada gabungan antara aspek teori dan amali dalam ajaran Islam yang perlu diperaktikkan oleh pendakwah (Annasaii, Fatin Nazmin & Mohd Aderi 2020; Redwan, Sayuti & Burhanuddin 2014). Berdasarkan kepada huraiyan tersebut, kajian mendapati bahawa aspek akidah, ibadah dan akhlak merupakan tiga perkara penting dalam pembangunan kerohanian pendakwah Orang Asli. Kajian Nurul Afifah (2017) membuktikan bahawa akidah, ibadah dan akhlak adalah aspek penting yang tidak boleh dipisahkan dalam pembentukan *dā'i* saudara baru.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah satu kajian yang menggunakan kaedah fuzzy delphi bagi membangunkan kerangka pembangunan elemen pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian. Menerusi hasil keseluruhan kajian, penulis mendapat terdapat dua belas komponen utama yang perlu dijadikan asas dalam pembangunan kerangka elemen kerohanian pendakwah Orang Asli. Kesemua komponen elemen ini adalah penting bagi membentuk pendakwah Orang Asli yang memiliki kerohanian yang mantap daripada aspek akidah, ibadah dan akhlak. Diharapkan dengan adanya pembangunan kerohanian dalam kalangan pendakwah masyarakat Orang Asli ini, lebih ramai pendakwah Orang Asli yang berkualiti dapat dilahirkan iaitu mereka yang tidak hanya beriman dan mengamalkan gaya hidup Islam yang sebenar, malah mampu mengajak dan menjadi contoh kepada masyarakat Orang Asli yang lain untuk terus mengamalkan amal Islami dalam kehidupan mereka.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don. 2014. Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ^cAbdullah Nasih ^cUlwān. 1985. *Hādhihi al-Da^cwah ma Tabi^ctuh*, Beirūt: Dār al-Salām
- Abdurahman Abdullah. 2019. Komitmen Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Negeri Kelantan. Disertasi Sarjana, Pusat Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. 2018. Konsep komitmen dakwah penggerak masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM. *At-Tahkim* 8(4): 1-7.
- Adler, M. & Ziglio, E. 1996. *Gazing Into the Oracle: The Delphi Method and its Application to Social Policy and Public Health*. Jessica Kingsley Publisher.
- Ahmad Ghalwash. 1992. *Dakwah Islamiah*. Terengganu: Penerbit Yayasan Islam.
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. Pengaruh Akidah terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Kajian Tesis, Tidak Diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus. 2008. *Cabar dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisyah Jami'an. 2013. Program Dakwah Dan Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor. Disertasi Sarjana, Pusat Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Annasaii Jamar, Fatin Nazmin Mansor & Mohd Aderi Che Noh. 2020. Penghayatan pelajar terhadap nilai islam dalam kalangan pelajar Malaysia Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. *Malaysian Online Journal of Education* 1 (4): 48-58.
- Asmawati Suhid. 2007. Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajaran Umum* 8 (1): 167-178.
- Azimah Abdullah & Mohd Farid Mohd Sharif. 2019. The concept of Islamic personality and spiritual development. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9 (9): 936-949.
- Al-Bayānūnī, Muhammad Abū Fath. 2001. *Al-Madkhāl ilā ‘ilm al-Da‘wah*. Beirūt: Mu‘assasah al-Risālah.
- Berliner, D.C. 2004. Describing the behaviour and documenting the accomplishments of expert teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society* 24 (3): 200-212.
- Che Bakar Che Mat, Abd Shukor Md Ali, Wan Kamariah Leman, Norlela Kamaluddin, Sharifah Anom Omar, Salmah Hussin & Wan Ariffin Wan Yon. 2007. *Pembangunan Dari Perspektif Islam*. Shah Alam: UPENA, Universiti Teknologi MARA.
- Che Musa Che Mat. 2011. Penghayatan Islam Dan Efikasi Kendiri Berdakwah dalam Kalangan Penggerak Masyarakat Orang Asli Di

- Negeri Sembilan Darul Khusus. Kajian Thesis, Jabatan Dakwah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Nur Hasanah Che Hussain, Mariam Abd. Majid & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. 2018. Persepsi masyarakat Orang Asli terhadap Islam di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. 2(1):1-14.
- Emie Sylviana Binti Mohd Zahid. 2019. Pembangunan spiritual: Konsep dan pendekatan dari perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* (2): 64-87.
- Faiz Abdul Rahim. 2018. Domain Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Famida Naimi Hasbolah. 2018. Pendekatan Dakwah Jakim Dalam Dalam Mencapai Kesejahteraan Hidup Masyarakat Orang Asli Berteraskan Maslahah Syariah. Disertasi Sarjana, Pusat Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazālī, A.M. 1981. *Al-Munqidh Min Al-Dalāl*. Beirūt: Dār al-Andalus.
- Al-Ghazālī. 2000. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn, Kitāb Riyāḍah al-Nafs*, Jil.2. al-Qāhirah: Dār al-Taqwā li al-Turāth.
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini. 2014. Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, cabaran dan permasalahan. Dlm. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Din. 2015. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibtisam Ibrahim & Berhanundin Abdullah. 2019. Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional dalam Dakwah kepada Masyarakat Awam. *Proceedings of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 23-24 November 2019. Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Ismail Naim Abdullah. 2020. Persiapan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dalam Aspek Pengetahuan dan Kemahiran. Disertasi Sarjana, Pusat Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Naim & Abdul Ghafar. 2019. Kepentingan Aspek Pengetahuan dan kemahiran dalam dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. *Jurnal Al-Hikmah* 11(2): 20-36.

- Jacobs, J. M. 1996. Essential Assessment Criteria for Physical Education Teacher Education Programs: *A Delphi study*. Unpublished doctoral dissertation, West Virginia University, Morgantown
- Jasni Sulong. 2016. Pemeliharaan akidah Islam: Analisis daripada sudut penguatkuasaan undang-undang dan fatwa di Pulau Pinang. *Jurnal Afsar* 1(18): 1-34.
- Jones, H., & Twiss, B.L. 1978. *Forecasting Technology of Planning Decisions*. New York: McMillan.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Johan, Abu Dardaa Mohamad & Anuar Puteh. 2014. Dakwah Sudara Baru Orang Asli dari Perspektif Maqasid Al-Syariah. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Anuar Awang Idris, Nora Yusma Mohamed Yusop & Khairulnizam Mat Karim. 2007. Persepsi Masyarakat Asli Terhadap Pendakwah: Satu Kajian Kes di Kampung Mikang, Rompin Pahang. Dlm. Abd. Ghafar Don, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Badlihisham Mohd Nasir, Ideris Endot & Othman Talib. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Belia Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1): 75-89.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. *Akidah dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat. 2011. Penghayatan al-Asma' al-Asma ' Allah al-Husna. *Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara* (10): 93-106.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabiah Mat Noh. 2020. *Kepelbagai Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Shah Alam: Qaisar Prestige Resources.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zahara Hussin, Nurulrabiah Mat Noh & Ahmad Arifin Safar. 2017. *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Bangi: Minda Intelek Agency.
- Muhammad Abdullah Darraz. 1987. *Prinsip Akhlak Berdasarkan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Aini. 2017. Bahasa Dai' dalam Komunikasi Dakwah kepada Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Al-Hikmah*. 9(1): 110-127.

- Nurul Afifah Musameh. 2017. Pembentukan *Da'i* Saudara Baru Melalui Program Sijil Dakwah dan Kepimpinan (PSDK) di Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). Kajian Disertasi. Pusat Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oh, K.H. 1974. Forecasting through Hierarchical Delphi. PhD Thesis, The Ohio State University, Columbu.
- Okoli, C., & Pawlowski, S. D. 2004. The Delphi method as a research tool: an example, design considerations and applications. *Information & Management* 42 (1): 15- 29.
- Pill, J. 1971. The Delphi Method: Substance, Context, A Critique and An Annotated Bibliography. *Socio-Economic Planning Science*, 5. 57- 71.
- Al-Qaradāwī, Yusuf. 1986. *Thaqāfāt al-Da'iyah*. Cetakan ke 8. Maktabah Wahbah.
- Ramlan Mustapha & Ghazali Darusalam. 2018. *Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ramlee Abdullah. 2015. Cabaran Dakwah dalam Masyarakat Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Pembangunan Insan Pimpinan Masyarakat Orang Asli di The Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan*. 7-9 November 2015.
- Ramlee Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin & Mohamad Asmawi Ibrahim. 2019. Melahirkan Generasi Baru Pendakwah Orang Asli di Negeri Kelantan. *Kertas Kerja dalam Bengkel Brainstorming Penyelarasan Dakwah Orang Asli Antara Agensi Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan*. 24-26 September 2019. Hotel Copthorne. Cameron Highland. Pahang.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2013. Dakwah Muallaf Orang Asli in Pahang: Focussing on Problem Pertaining to the Target Group in Efforts of Dakwah. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.researchgate.net>. 1-21 (Diakses pada 5 Februari 2022)
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Dakwah kepada Muallaf Orang Asli: Tanggungjawab dan Peranan PERKIM Pahang. <https://www.researchgate.net>. 1-14 (Diakses pada 1 Februari 2022).
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. *Keperluan Bimbingan Muallaf*. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Marlon Pontino Guleng. 2014. Respon Muallaf terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang dilaksanakan

- oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bharu Kelantan. Dlm. Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Redwan Yasin, Sayuti Ab. Ghani & Burhanuddin Jalal. 2014. Aplikasi Kualiti Kepimpinan Rasulullah SAW dalam Pembentukan Jati Diri Pendakwah Masa Kini. *International Journal of Quranic*. 2(6): 69-82.
- Sa‘id Hawwa. 2007. *Tazkiyatun Nafs: Inti Sari Ihya Ulumuddin*. Pena Pundi Aksara.
- Salha Nabilla Shariat & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2016. Kepentingan Penghayatan Akidah Melalui Nama-nama Allah SWT dalam Pengukuhan Institusi Kekeluargaan: Sorotan Literatur. *Conference Paper Jejak Warisan Ilmu Islam ke Aceh, Indonesia, Universitas Islam Ar-Raniry Aceh, Indonesia*.
- <https://www.researchgate.net>. 1-14 (Diakses pada 8 Februari 2022).
- Skulmoski, G. J., & Hartman, F. T. 2007. The Delphi method for graduate research. *Journal of Information Technology Education* 6 (1): 1-21.
- Zaydān, Ḩabd al-Karīm. 2002. *Usul Dakwah Islam & Dakwah*. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Zaydān Ḩabd Karīm 2009. *Dasar-dasar Ilmu Da’wah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Zulfahmi Syamsudin & Wan Hasmah Wan Mamat. 2014. Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek. *The Online Journal of Islamic Education*. 2(2): 107-199.
- Zulkefli Aini & Abd Ghafar Don. 2020. Amalan Kemahiran Komunikasi Pendakwah dengan Masyarakat Orang Asli di Malaysia. *Jurnal BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. 4(3): 83-100.
- Zulkefli Aini, Abd Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Uswah Mohd Fauzi. 2019. Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah dalam Menyampaikan Mesej Islam kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 1(4):12-26.

Senarai Pengarang: :

Dr Zulkefli Aini (Pengarang Penghubung)
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor.
E-mel: zulaini@ukm.edu.my

Nor Izzatul Husna Burhan
Calon Sarjana
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor.